

# Historiografi Penubuhan Program Plus Tahfiz Di Universiti Teknologi MARA Berpandukan Model ADDIE

Najahudin Lateh<sup>1\*</sup>, Muhamad Rahimi Osman<sup>1</sup>, Ghafarullahuddin Din<sup>1</sup>

<sup>1</sup>Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA,  
40450 Shah Alam, Malaysia  
najahudin@uitm.edu.my, mrahimi313@uitm.edu.my, ghafar903@uitm.edu.my  
\*Corresponding Author

Received: 30 November 2021

Accepted: 10 May 2022

Online First: 27 May 2022

**Abstrak:** Penubuhan program Plus Tahfiz untuk memantapkan hafazan al-Qur'an di Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada tahun 2018 adalah yang pertama seumpamanya di institusi pendidikan tinggi Malaysia. Namun, sehingga hari ini belum terdapat mana-mana penulisan ilmiah berkaitan fakta atau sejarah penubuhan program ini yang dihimpunkan atau ditulis. Oleh itu, kertas kerja ini dihasilkan dengan objektif untuk merekodkan histori program ini untuk rujukan pelbagai pihak pada masa akan datang. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan kerangka kajian berpandukan Model ADDIE yang dikembangkan oleh Molenda (2003) serta diubahsuai kepada tiga fasa, iaitu analisis keperluan, rekabentuk dan pembangunan. Data dikutip daripada dokumentasi rasmi universiti dan luar serta observasi berdasarkan pengalaman penulis sendiri yang terlibat secara langsung dalam cadangan penubuhannya. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif melalui kaedah analisis kandungan dengan olahan induktif dan deduktif. Hasil kajian ini memperoleh historiografi penubuhan program Plus Tahfiz pada tiga fasa mengikut kronologi masa selama setahun iaitu mulai Oktober 2017 hinggalah September 2018 sebelum diimplementasikan di seluruh kampus di UiTM. Kajian ini sangat bermanfaat kepada sistem maklumat institusi pendidikan, khususnya di UiTM selain rujukan utama berkaitan program ini kepada semua pentadbir universiti, institusi tahfiz, para penyelidik dan semua pencinta ilmu al-Quran.

**Kata Kunci:** ACIS, ADDIE, PINTA, Plus Tahfiz, UiTM

## Historiography of the Establishment of the Tahfiz Plus Program at Universiti Teknologi MARA Based on the ADDIE Model

**Abstract:** The establishment of the Plus Tahfiz program to strengthen the memorization of the Qur'an at Universiti Teknologi MARA (UiTM) in 2018 is the first of its kind in Malaysian higher education institutions. However, to date there has not been any scholarly writing related to the facts or history of the establishment of this program that has been compiled or written. Therefore, this paper was produced with the objective of recording the history of this program for the reference of various parties in the future. This study is qualitative in nature with a research framework based on the ADDIE Model developed by Molenda (2003) and modified into three phases, namely needs analysis, design and development. Data were collected from official university and external documentation as well as observations based on the author's own experience who was directly involved in the proposed establishment. The data obtained were analyzed descriptively through content analysis methods with inductive and deductive processing. The results of this study obtained the historiography of the establishment of the Plus Tahfiz program in three phases according to the chronology of time for a year from October 2017 to September 2018 before being implemented throughout the campus at UiTM. This study is very beneficial to the information system of educational institutions, especially at UiTM as well as the main reference related to this program to all university administrators, tahfiz institutions, researchers and all lovers of Quranic knowledge.

**Keywords:** ACIS, ADDIE, PINTA, Plus Tahfiz, UiTM

## 1. Pendahuluan

Program Plus Tahfiz mula diutarakan hasil perbincangan beberapa pensyarah Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) diketuai oleh Dekannya ketika itu, Profesor Dr. Muhamad Rahimi Osman. Perbincangan pada awal tahun 2017 tersebut hasil aduan lisan daripada pensyarah-pensyarah ACIS bahawa bekas pelajar tahfiz yang menyambung pelajaran dalam kursus Muamalat dan Pengurusan Industri Halal di ACIS tidak dapat mengekalkan hafazan mereka dengan baik.

Hasrat untuk mewujudkan program pemantapan tersebut telah dibincang dengan Naib Canselor (NC) Universiti Teknologi MARA (UiTM) ketika itu, Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said dan telah mendapat persetujuan dan sokongan daripada beliau. Cadangan ini selaras dengan hasrat NC untuk membuka peluang pengajian kepada pelajar-pelajar tahfiz di UiTM. Selain itu, ACIS melalui Dekannya juga menerima sokongan Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Kebangsaan (PINTA) Kebangsaan untuk menjayakan hasrat UiTM (Muhamad Rahimi, 2017).

Hasil beberapa perbincangan dengan PINTA dan dalaman ACIS, setelah mendapat kelulusan Senat, satu kenyataan media pada 13 Februari 2018 dikeluarkan bagi memaklumkan kewujudan program pemantapan tahfiz di UiTM (UiTM, 2018b). Setelah beberapa langkah diambil, program Plus Tahfiz ditawarkan kepada pelajar UiTM mulai penawaran kursus sesi September 2018.

Rentetan peristiwa kewujudan program sangat menarik dan perlu didokumentasikan sebagai rekod sejarah, sementelah sehingga kini belum ada kajian dibuat tentang sejarah penubuhannya. Justeru, kertas kerja ini akan meneliti kronologi histori program ini dan seterusnya menjadi dokumen rujukan pelbagai pihak pada masa akan datang.

## 2. Sorotan Literatur

Islam meletakkan penghafaz al-Quran di kedudukan tinggi (al-Mujadalah, 58:10) sebagai hamba pilihan Allah SWT (al-Fathir 35:32) melalui penghafazan yang dapat menjaga ayat al-Quran yang diturunkan-Nya daripada hilang (al-Hijr, 15:9). Malah, hadith turut menjelaskan al-Qur'an pemberi syafaat kepada pembacanya (Muslim, 1431H) serta umat terbaik adalah mereka yang belajar al-Qur'an dan mengajarkannya (al-Bukhari, 1422H). Menurut al-Asqalani (1431H), orang yang belajar al-Qur'an mendapat kebaikan walaupun tidak mengajarkannya, justeru penghafaz al-Quran sudah tentu lebih aula.

Lantaran itu, banyak program tahfiz telah dilaksanakan di Malaysia sejak dimulakan dengan Program Pengajian Tahfiz al-Quran di Masjid Negara pada 1 Mac 1966. Ini diikuti dengan penubuhan pusat tahfiz negeri-negeri oleh pihak kerajaan mulai 1979, kewujudan institusi tahfiz swasta sejak tahun 1981 dan dikembangkan di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia mulai tahun 2014 (Nordin, 2018; Solahuddin, 2018). Ini bertepatan dengan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara untuk mewujudkan kurikulum pendidikan tahfiz yang sesuai dengan pendidikan arus perdana (Azhar & Hairul Hisham, 2018).

Malah, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) turut memberi perhatian kepada program hafazan al-Qur'an bagi pelajar diploma atau sarjana sejak tahun 2000 (Nordin, 2015). Menurut rekod Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), terdapat 14 kelayakan pengajian tahfiz ditawarkan oleh 11 IPT dalam negara (MQA, 2021). 13 daripadanya menawarkan Diploma Tahfiz dan al-Qiraat, sementara satu sahaja di peringkat Sarjana Muda. Namun, kebanyakan institusi tersebut adalah kolej swasta seperti Darul Quran JAKIM, Kolej Al-Quran Terengganu, Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) dan Kolej Pengajian Islam Johor (MARSAH) serta kolej universiti seperti Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

Rekod MQA (2021) ini menunjukkan tiada Universiti Awam (UA) yang menawarkan pengajian tahfiz, sebaliknya hanya terdapat dua universiti swasta yang mempunyai program tersebut, iaitu (i) Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) bagi Diploma Tahfiz Wal Qiraat serta Ijazah Sarjana Muda Pengajian Tahfiz al-Quran dan al-Qiraat dengan Kepujian; dan (ii) Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) bagi Diploma Tahfiz al-Quran Wa al-Qiraat.

Namun, UA seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Kebangsaan, Malaysia, Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknikal Malaysia mempunyai program Pensijilan Tahfiz al-Qur'an yang ditawarkan sekali bersama program diploma atau ijazah pertama dengan

kerjasama Darul Qur'an, JAKIM (Nordin, 2015). Pelajar universiti diwajibkan menghafaz 30 juzuk al-Quran dalam tempoh pembelajaran selain mempelajari subjek al-Quran seperti Tajwid, Qiraat & Hafazan dan Adab Hamalah al-Quran (Darul Quran, 2021a, 2021b; Zainora, Hayati, Khairul Anuar, & Mohd Shamsul Hakim, 2018).

Universiti swasta seperti Universiti Tenaga Nasional dan Cyberjaya University College of Medical Sciences turut menawarkan program pensijilan tersebut. Pelajar program ini yang tamat pengajian turut memperoleh bersama Sijil Tahfiz Malaysia yang dikeluarkan oleh Darul Quran JAKIM (Nordin, 2015; Solahuddin, 2018; Uniten, 2021).

Selain itu, terdapat banyak kajian berkaitan institusi tahfiz, antaranya berkaitan sejarah perkembangan tahfiz di Malaysia (Nordin, 2015, 2018), prospek dan cabaran yang dihadapi (Muhammad Zaid, Mohd Isa, & Mohamad Redha, 2020; Solahuddin, 2016), dasar, model dan sistem (Azhar & Hairul Hisham, 2018; Muhammad Hafizan, Abdul Aziz, & Hamdi, 2020), metode hafazan (Solahuddin, 2018; Wan Muhammad Hafizuddin, Sedek, & Mohd Yakob @Zulkifli, 2020) hinggalah cadangan pengiktirafan tahfiz dan huffaz yang dikemukakan dalam kajian Nordin (2018).

Namun, kajian terkini tentang program tahfiz di IPT termasuklah UA terlalu sedikit. Kajian terbaharu dilakukan oleh Nik Md Saiful and Rabi'atul Athirah (2020) tetapi hanya menyentuh sejarah dan kaedah pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab Kementerian Pendidikan Malaysia dengan tumpuan di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. Begitu juga kajian oleh Wan Muhammad Hafizuddin et al. (2020) yang spesifik kepada Pusat Pengajian At-Toyyibah (PIT) di Kampung Melayu Subang dalam metodologi hafazan al-Quran.

Terdapat kajian tentang program tahfiz di universiti swasta, tetapi semuanya di Universiti Tenaga Nasional, iaitu yang dilakukan oleh Muhammad Hafizan, Abdul Aziz, et al. (2020) tentang sistem pembelajaran; Siti Salma, Syafawati, and Muhammad Hafizan (2020) tentang inovasi digital melalui metode Blended Learning; dan Muhammad Hafizan, Siti Salma, and Syafawati (2020) tentang pelaksanaan program tahfiz semasa Perintah Kawalan Pergerakan di situ.

Malah, sehingga kini tiada kajian ilmiah dibuat tentang program Plus Tahfiz, lebih-lebih berkaitan sejarah penubuhannya. Bahan yang ada hanyalah berbentuk brosur atau hebahan awam tentang program tersebut. Najahudin (2018) ada membuat catatan tentang pelaksanaan Plus Tahfiz di UiTM, tetapi lebih kepada panduan untuk pemohonnya, bukannya penulisan ilmiah. Hal ini tidaklah mengejutkan kepada program ini masih baharu.

Justeru, kajian tentang program tahfiz di universiti terbesar di Malaysia ini relevan dengan situasi tersebut, lebih-lebih lagi kajian Solahuddin (2018) mendedahkan anggaran institusi tahfiz adalah tinggi melebihi 1,000 buah dengan kapasiti kira-kira 150,000 pelajar. Oleh itu, penulisan historiografi program Plus Tahfiz melalui kertas kerja ini sangat signifikan dan berjustifikasi.

### 3. Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan kerangka kajian berpandukan Model ADDIE, iaitu akronim kepada lima fasa pembangunan model iaitu, *Analysis* (Analisis), *Design* (Reka Bentuk), *Development* (Pembangunan) *Implementation* (Pelaksanaan) dan *Evaluation* (Penilaian). Model ini telah wujud sejak awal 1950-an (Clark, 2004; Kruse, 2009) selepas Perang Dunia Kedua hasil kerangka kerja penyelidikan untuk mencari kaedah yang lebih berkesan dan terurus bagi mewujudkan program latihan tentera Amerika Syarikat. Menurut Clark (2004), akronim 'ADDIE' dikesan mula digunakan dalam kertas kerja oleh Schlegel (1995) dan kemudiannya mengalami beberapa pengubahsuaian dan dikembangkan dalam bidang lain seperti pendidikan, perindustrian dan sebagainya.

Kajian ini akan menggunakan Model ADDIE yang dikembangkan oleh Molenda (2003) dengan pengubahsuaian yang mengandungi tiga fasa: (i) Fasa Analisis, iaitu menjelaskan masalah, matlamat dan objektif yang dihasratkan serta mengenal pasti persekitaran dan ciri-ciri yang berkaitan; (ii) Fasa Reka Bentuk, iaitu mereka strategi dan memilih kaedah yang bersesuaian; (iii) Fasa Pembangunan, iaitu menghasilkan bahan-bahan mengikut perancangan yang ditetapkan dalam fasa sebelumnya (Strickland, 2006). Dua fasa, iaitu Fasa Pelaksanaan dan Fasa Penilaian diabaikan kerana fokus kajian ini kepada historiografi penubuhan Plus Tahfiz.

Data dikutip daripada dokumentasi rasmi universiti seperti minit mesyuarat, surat, bahan edaran rasmi, arahan amanah serta dokumen rasmi di dalam dan luar UiTM. Bahan ini melibatkan

dokumen rasmi Senat, Majlis Eksekutif Universiti (MEU) dan ACIS (BPP UiTM, 2018; UiTM, 2017a, 2018a, 2019a, 2019b) serta buku dan jurnal berkaitan. Selain itu, observasi berdasarkan pengalaman penulis sendiri turut digunakan kerana para penulis adalah mereka yang terlibat secara langsung dalam mencadangkan penubuhan, membangun Plus Tahfiz dan melaksanakannya (Muhamad Rahimi, 2017; Najahudin, 2018).

Data dokumentasi yang diperoleh kemudian dianalisis melalui kaedah analisis kandungan (*content analysis*). Data turut dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kaedah istiqlal dan al-istidlal. Metode istiqlal atau induktif ialah cara membuat kesimpulan daripada bukti-bukti yang bersifat khusus untuk mencari kesimpulan yang bersifat umum, sementara metode istidlal atau deduktif pula ialah cara membuat kesimpulan daripada bukti-bukti yang bersifat umum untuk mencari kesimpulan yang bersifat khusus (Ghazali & Sufean, 2015).

#### **4. Dapatan dan Perbincangan**

Dapatan kajian ini adalah hasil penelitian terhadap dokumen primer di UiTM dan observasi penulis sendiri yang terlibat dalam histori ini mulai Oktober 2017 hinggalah September 2018. Dapatan ini bolehlah dibahagikan kepada tiga fasa berdasarkan Model ADDIE (Molenda, 2003) yang diubahsuai, iaitu (i) Fasa Analisis Keperluan; (ii) Fasa Rekabentuk; dan (iii) Fasa Pembangunan.

##### **4.1 Fasa Analisis Keperluan**

Cadangan penubuhan Plus Tahfiz bertitik tolak daripada perbincangan lisan staf ACIS hasil pemerhatian terhadap pelajar tahfiz yang gagal mengekalkan hafazan mereka. Walaupun tiada kajian empirikal atau laporan bertulis dibuat, namun perkara ini sangat membimbangkan hingga timbul keperluan mewujudkan program khas pemantapan hafazan tahfiz dalam kalangan pelajar UiTM.

Keperluan ini turut disokong oleh pihak luar, iaitu melalui hasrat PINTA Kebangsaan yang terdiri daripada gabungan 14 buah PINTA Peringkat Negeri dengan keahlian sebanyak 591 buah institusi tahfiz untuk bekerjasama dengan UiTM dalam pemantapan pengajian tahfiz (Latifah, 2019; Muhamad Rahimi, 2017; PINTA, 2017). Pada 8 Ogos 2017, wakil PINTA yang juga Ketua Lajnah Pendidikan-nya, iaitu Dr. Awang Musa telah datang ke pejabat ACIS untuk berbincang tentang perkara tersebut. Hasil pertemuan tersebut, wakil ACIS, iaitu Dr. Muhammad Rahimi dan Dr. Najahudin Lateh telah dijemput bermesyuarat bersama Ahli Jawatankuasa (AJK) PINTA Kebangsaan dipengerusikan oleh penasihatnya, Mohd Gunawan Che Ab Aziz yang diadakan pada 11 September 2017 di Hotel Sri Petaling.

Dekan ACIS kemudian telah menyampaikan hasrat kepada pihak NC UiTM untuk mewujudkan program khas bagi mengekalkan hafazan para pelajar tahfiz. Hasrat tersebut telah diterima dan diberi sokongan padu oleh pihak pengurusan UiTM. Kertas kerja program tersebut disediakan oleh pihak ACIS dan dibawa ke Mesyuarat Senat oleh Dekan untuk kelulusan (UiTM, 2017a). Kemudian, tindakan dan keputusan yang diambil oleh UiTM, khususnya keputusan Senat UiTM serta sokongan berterusan NC telah melonjakkan perkembangan Plus Tahfiz.

Ini susulan mesyuarat Senat kali ke-228 pada 10 Oktober 2017 yang telah meluluskan pelaksanaan program Plus Tahfiz. Direkodkan tujuan program ini dilaksanakan adalah selaras dengan hasrat kerajaan bagi melahirkan penghafaz al-Quran yang menguasai pelbagai disiplin ilmu dan bidang profesional (Bernama, 2018). Senat UiTM turut bersetuju dengan cadangan Bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA) tentang kemasukan khas dan penawaran program pengajian kepada para lepasan sekolah tahfiz dan Maktab Rendah Sains MARA Ulul Albab bagi membolehkan mereka menyempurnakan pensijilan tahfiz dan meneruskan amalan hafazan semasa berada di tahap pengajian tinggi (UiTM, 2017b).

Pada 12 Oktober 2017, AJK PINTA Kebangsaan yang diketuai Mohd Gunawan melakukan ziarah perkenalan ke pejabat NC yang turut mempunyai aspirasi untuk memperkasakan pengajian tahfiz (Muhamad Rahimi, 2017). Hasilnya, pihak ACIS telah merangka cadangan pemantapan hafazan tahfiz di UiTM, antaranya adalah (i) Mewujudkan program khas pengendalian hafazan pelajar; (ii) Menempatkan pelajar tahfiz UiTM di kolej kediaman khusus; (iii) Mewujudkan program 'Fast-Track' SPM kendalian UiTM; dan (iv) Penglibatan PINTA dalam temuduga pelajar baharu tahfiz dan sebagai guru tasmik.

Pada 5 Februari 2018, Bahagian Pengambilan Pelajar (BPP), HEA UiTM telah mengeluarkan brosur khas tentang program Plus Tahfiz termasuklah matlamat, syarat dan cara memohon (BPP UiTM, 2018). Kemudian pada 7 Februari 2018, ACIS yang diwakili Dr. Muhammad Rahimi dan Dr. Najahudin sekali lagi dijemput dalam mesyuarat bersama PINTA juga di Hotel Sri Petaling yang dipengerusikan oleh presiden-nya, Mohd Zahid Mahmood. Mesyuarat tersebut membincangkan masalah pelajar tahfiz serta laluan pendidikan tinggi serta kerjaya mereka selepas tamat hafazan.

Kemuncaknya pada 13 Februari 2018, UiTM telah mengeluarkan kenyataan media bahawa UiTM menyediakan laluan kemasukan kepada pelajar lepasan sekolah tahfiz berdaftar di seluruh negara bagi menyambung pengajian (UiTM, 2018b). Pengumuman tersebut memberi ruang pendidikan tahfiz yang lebih luas di UiTM bagi mencapai objektif utama memelihara wahyu Allah SWT serta melahirkan lebih ramai huffaz profesional (Bernama, 2018).

## 4.2 Fasa Rekabentuk

Fasa ini melibatkan tindakan ACIS dan unit-unit dalaman UiTM yang terlibat dengan penawaran pelajar. Pada 28 Februari 2018, pihak UiTM telah menjemput semua jawatankuasa PINTA yang diketuai oleh presidennya dalam satu mesyuarat khas bertempat di Canselori UiTM. Mesyuarat tersebut mengikut jadual asalnya dipengerusikan oleh NC, namun terdapat pertindihan program lain, lalu Dekan ACIS mempengerusikan mesyuarat tersebut. Mesyuarat membincangkan beberapa isu program khas tahfiz seperti tawaran kemasukan, kursus kokurikulum, penempatan kolej kediaman dan penglibatan ahli PINTA sebagai guru tasmik.

Mesyuarat khas pengambilan pelajar baharu ACIS pada 7 Mac 2018 turut membincang dan meneliti cadangan program Plus Tahfiz. Perancangan disiapkan termasuklah persediaan pihak ACIS di kampus cawangan untuk mengendalikan program tersebut. Mesyuarat susulan dengan PINTA kemudiannya diadakan pada 12 Mac 2018 di Bilik Mesyuarat ACIS yang turut melibatkan BPP HEA, Pusat Kokurikulum serta Unit Kemudahan Kolej (UKK), Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM.

Pelbagai mesyuarat penyelarasan kemudian diadakan untuk mengemaskini dan bersedia siaga untuk menerima pelajar baharu pada sesi September 2018. Antaranya mesyuarat bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) pada 25 April 2018, mesyuarat penempatan pelajar bersama BPP HEA (30 Mac 2018) dan mesyuarat bersama UKK, HEP (24 Mei 2018). Di peringkat ACIS, mesyuarat diadakan pada 22 Mac 2018 dan kemuncaknya mesyuarat penyelarasan bersama ACIS kampus cawangan pada 31 Mei 2018.

Sebagai pemantapan program ini, mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Pembangunan (JKP) UiTM kali ke-212 pada 2 Oktober 2018 telah meluluskan bayaran honorarium bagi tenaga pengajar program Plus Tahfiz sebanyak RM25.00 sejam dengan pengiraan anggaran RM1,000.00 sebulan untuk dua jam sehari selama 20 hari. Mesyuarat Senat kali ke-241 pada 9 November 2018 pula telah meluluskan pelaksanaan kokurikulum tahfiz bagi lima semester bermula dari semester pertama seperti pada Jadual 1.

**Jadual 1:** Senarai kursus kokurikulum tahfiz

Bil	Kod Kursus	Nama Kursus	Status Kursus
1	HKR119	Tahfiz Al-Itahah	Lulus / Gagal
2	HKR129	Tahfiz Al-Imkaniyyah	Gred
3	HKR139	Tahfiz Al-Itmam	Gred
4	HKR149	Tahfiz Al-Itqan	Lulus / Gagal
5	HKR159	Tahfiz Al-Isti'ab	Lulus / Gagal

Pada 7 Disember 2018, Dekan ACIS telah membentangkan perancangan keseluruhan program Plus Tahfiz bersama-sama kepimpinan tertinggi UiTM diketuai NC dan disambut dengan baik oleh pengurusan universiti. Najahudin (2018) mencatatkan mekanisme pelaksanaan program ini, "Program Plus Tahfiz adalah laluan khas kepada pelajar lepasan pengajian tahfiz di seluruh negara untuk melanjutkan pengajian akademik dalam pelbagai bidang profesional di UiTM. Program ini diadakan dengan objektif untuk menghasilkan graduan huffaz profesional yang mempunyai watak Qurani melalui pendekatan (i) laluan khas ke UiTM; dan (ii) Program pengekalan hafazan. Selain itu,

fokus diberikan kepada pengekal al-Quran melalui beberapa program seperti tasmik harian dan kokurikulum tahfiz.

Program ini boleh disertai oleh semua lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi, Asasi dan Diploma yang merupakan lepasan pengajian tahfiz di seluruh negara, namun perlu memenuhi syarat-syarat kemasukan untuk sesebuah program yang berbeza. Program ini terbuka kepada semua program pengajian di UiTM yang menawarkan pelbagai program daripada peringkat Asasi, Diploma, Sarjana Muda, termasuk kursus-kursus profesional.

Jumlah juzuk hafazan tidak disyaratkan, namun setiap pemohon perlu mendapatkan pengesahan tahap hafazan daripada institusi berkaitan serta diterima oleh panel penilai. Pemohon yang ingin menyertai program ini perlu memohon secara atas talian laman sesawang <http://upu.mohe.gov.my> dan kemudian menghantar dokumen cetakan dan lampiran kepada pihak ACIS.”

### 4.3 Fasa Pembangunan

Fasa ini melibatkan tindakan seluruh sistem dalam UiTM, terutama dengan kewujudan jawatankuasa induk dan pelaksana Pusat Plus Tahfiz bagi mengukuhkan tadbir urus program ini (UiTM, 2018a). Pusat ini bertanggungjawab mengawal selia setiap perancangan dan pelaksanaan berkaitan program tahfiz secara bersistematik serta menguruskan dana yang diterima dari pelbagai sumber kewangan dalaman dan luar bagi membiayai program ini.

Penubuhan Pusat Plus Tahfiz adalah berkonsepkan sebuah entiti yang di kawal selia oleh ACIS bagi memastikan pelaksanaan program Plus Tahfiz berjalan lancar dan berterusan. Pusat ini turut bertindak sebagai urusetia kepada Jawatankuasa Pemilihan Pelajar yang akan bekerjasama dengan BPP, HEA dan Pusat Kokurikulum, HEP UiTM.

Pelaksanaan program Plus Tahfiz di seluruh sistem dalam UiTM bermula pada sesi September 2018. Seramai 340 pelajar sebagai anak sulung program ini telah ditawarkan di kampus Shah Alam dan 11 buah kampus UiTM dengan pecahannya seperti pada Jadual 2.

**Jadual 2:** Bilangan pelajar Plus Tahfiz Sesi September 2018

Bil.	Kampus	Bilangan			Tenaga Pengajar
		Lelaki	Perempuan	Jumlah	
1	Shah Alam	35	28	63	5
2	Puncak Alam	0	5	5	1
3	Puncak Perdana	7	3	10	2
4	Dengkil	23	19	42	2
5	Seri Iskandar	10	7	17	2
6	Tapah	44	50	94	4
7	Arau	4	0	4	1
8	Seremban 3	0	5	5	1
9	Kuala Pilah	13	17	30	2
10	Segamat	20	9	29	2
11	Jengka	6	5	11	2
12	Dungun	17	13	30	2
		179	161	340	26

Walaupun program ini wujud di semua cawangan UiTM seluruh negara, namun penempatan dan pengajian pada peringkat awal ini dikelompokkan di 10 lokasi sahaja untuk memudahkan pemantauan, selain sebagai kajian rintis bagi menguji kebolegunaannya. Pelajar dikelompokkan mengikut kursus pengajian yang ditawarkan di kampus negeri dengan kerjasama BPP, HEA.

Agak menarik, perjalanan program Plus Tahfiz didanai oleh tabung amanah yang disediakan oleh UiTM. Ini adalah cadangan Dekan ACIS bersama Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM yang ketika itu di bawah kepimpinan Dr. Ghafarullahuddin Din. Kemudian Dr. Najahudin diarahkan

menyediakan kertas cadangan Dasar Agihan Dana Zakat Korporat, Arahan Amanah Akaun Amanah Tahfiz UiTM dan pindaan kepada Arahan Amanah Akaun Amanah Zakat UiTM untuk dibawa oleh Dekan ACIS bagi mendapatkan kelulusan UiTM.

Mesyuarat MEU Bil. 3/2019 pada 16 Januari 2019 telah meluluskan Dasar Agihan Dana Zakat Korporat, sementara kedua-dua arahan amanah tersebut diluluskan dalam mesyuarat JKP kali ke-214 bertarikh 17 Januari 2019 dan berkuatkuasa mulai 1 Februari 2019 (UiTM, 2019a, 2019b). Berdasarkan Dasar Agihan Dana Zakat Korporat, Perkara 2.2 (ii) Arahan Amanah Zakat UiTM menyatakan bahawa zakat korporat yang dibayar terus kepada UiTM tanpa perlu melalui Lembaga Zakat Selangor (MAIS) seperti daripada sektor badan korporat dan institusi kewangan adalah diagihkan sebanyak dua perleapan (2/8) kepada Tabung Amanah Tahfiz UiTM kerana menepati kriteria asnaf Amil dan asnaf Fi Sabilillah (UiTM, 2019a).

Mesyuarat MEU dan JKP tersebut juga turut meluluskan penubuhan Tabung Amanah Plus Tahfiz serta perlantikan Koordinator Plus Tahfiz bagi menguruskan program ini dengan elaan RM300.00 sebulan. Berikut itu, Mesyuarat Pengurusan Dalaman ACIS Bil. 1/2019 pada 26 Februari 2019 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Akademik dan Penilaian serta Jawatankuasa Pelaksana di Pusat Plus Tahfiz di UiTM yang kedua-duanya dipengerusikan oleh Dekan ACIS. Koordinator pertama dilantik bagi program ini adalah Mohd Yadman Sarwan, pensyarah ACIS. Struktur organisasi bagi Pusat Plus Tahfiz kemudian dibentuk di peringkat Shah Alam dan Unit Plus Tahfiz di peringkat kampus UiTM. Sasaran pelajar terlibat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan universiti adalah 3,000 pelajar menjelang tahun 2020 (UiTM, 2018a).

## **5. Kesimpulan**

Kajian ini menghasilkan dapatan historiografi penubuhan program Plus Tahfiz yang terbahagi kepada tiga fasa dalam tempoh setahun, iaitu mulai Oktober 2017 hinggalah September 2018. Proses kewujudannya menunjukkan kesungguhan Dekan ketika itu dan pensyarah ACIS untuk merealisasikan program pemantapan hafazan pelajar UiTM demi menjaga wahyu al-Quran. Sokongan NC, kepimpinan tertinggi serta unit-unit pentadbiran dalam UiTM memudahkan urusan tersebut dan seterusnya diimplementasikan di seluruh kampus. Begitu juga sokongan pihak luar seperti PINTA dan syarikat korporat yang menyalurkan zakat mereka melalui PZSW untuk memastikan kelestarian program ini.

Kajian ini mencapai objektifnya melalui tiga fasa sahaja. Oleh itu penyelidik lain boleh meneruskan kajian lanjutan bagi Fasa Pelaksanaan dan Fasa Penilaian. Kajian baharu tentang Plus Tahfiz boleh diteroka tentang metode pelaksanaan, isu dan masalah serta korelasi hafazan dengan pencapaian akademik pelajar. Selain itu, penilaian terhadap pengurusan, tahap hafazan pelajar, kesediaan guru, penempatan kolej serta pencapaian sasaran 2020 juga boleh dilakukan. Harapan program ini terus mencapai kecemerlangan di samping usaha kajian penambahbaikan dilakukan secara berterusan demi manfaat pelajar, rujukan universiti dan kejayaan ummah dunia akhirat.

## **6. Penghargaan**

Kajian ini merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan Plus Tahfiz, ACIS dan PZSW UiTM atas kerjasama menjayakan penulisan kertas kerja ini.

## **7. Konflik Kepentingan**

Penulis tidak mempunyai konflik kepentingan kepada mana-mana pihak, individu atau pertubuhan dari segi kewangan dan kepentingan lain dalam penulisan ini.

## **8. Sumbangan Penulis**

Melalui penyelidikan ini, N.L memberi sumbangan dalam menyediakan sorotan literatur dan menganalisis data yang diperolehi sementara M.R.O dan G.D menyediakan data yang diperlukan serta membuat semakan akhir penulisan.

## 9. Rujukan

- al-Asqalani, I. H. (1431H). *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Bukhari, M. b. I. (1422H). *Al-Jami' al-Sahih al-Musnad min Hadith Rasulillah sallallahu 'alayhi wa sallam wa Sunanihi wa Ayyamihi*. Beirut: Dar al-Tuq al-Najat.
- Azhar, A., & Hairul Hisham, A. (2018). *Dasar Pendidikan Tahfiz Negara: Pelaksanaan di Kementerian Pendidikan Malaysia*. Paper presented at the Nadwah Ulama Nusantara Siri ke-8. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bernama, B. N. M. (2018, 15 Februari 2018). UiTM bakal lahir lebih ramai huffaz profesional. *Bernama*. Retrieved from <https://www.astroawani.com/gaya-hidup/uitm-bakal-lahir-lebih-ramai-huffaz-profesional-168234>
- BPP UiTM, B. P. P. U. (2018). Program Plus Tahfiz <http://najahudin.net/index.php/journal-articles?id=11>
- Clark, D. (2004). ADDIE timeline. Retrieved from [http://www.nwlink.com/~donclark/history\\_isd/addie.html#model](http://www.nwlink.com/~donclark/history_isd/addie.html#model)
- Darul Quran, J. (2021a). Ijazah Sarjana Muda Quran & Sunnah Dengan Kepujian Secara Kerjasama dengan USIM. Retrieved from <http://www.darulquran.gov.my/xs/page.php?id=12>
- Darul Quran, J. (2021b). Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-IIUM. Retrieved from <http://www.darulquran.gov.my/xs/page.php?id=14>
- Ghazali, D., & Sufean, H. (2015). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan Amalan dan Analisis Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kruse, K. (2009). Introduction to Instructional Design and the ADDIE Model. Retrieved from [http://www.transformativedesigns.com/id\\_systems.html](http://www.transformativedesigns.com/id_systems.html)
- Latifah, A. (2019, 19 Mac 2019). PINTA sedia bantu institusi tahfiz di Selangor berdaftar. *Berita Harian*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/03/542842/pinta-sedia-bantu-institusi-tahfiz-di-selangor-berdaftar>
- Molenda, M. (2003). In search of The Exclusive ADDIE Model. *Performance Improvement*, 42 (5), 34.
- MQA, A. K. M. (2021). Carian Kelayakan. Retrieved from <https://www2.mqa.gov.my/mqr/akrbyipta.cfm>
- Muhamad Rahimi, O. (2017). *Model Pendidikan Tahfiz PINTA - UiTM*. Seminar Pendidikan Tahfiz Kebangsaan 2017, Dewan Muktamar, JAWI Kuala Lumpur
- Muhammad Hafizan, A. H., Abdul Aziz, M. I., & Hamdi, I. (2020). Sistem Pembelajaran Tahfiz Program Huffaz Profesional Di Universiti Tenaga Nasional. In A. S. A. Nzly, M. I. M. Nawawi, S. N. S. Aziz, & N. H. M. Yusoff (Eds.), *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz al-Quran & al-Qiraat* (pp. 75-85).
- Muhammad Hafizan, A. H., Siti Salma, M. S., & Syafawati, S. (2020). Pelaksanaan Kelas Hifz Al-Quran Fasa Perintah Kawalan Pergerakan Di Universiti Tenaga Nasional: Satu Pengalaman. In A. S. A. Nzly, M. I. M. Nawawi, S. N. S. Aziz, & N. H. M. Yusoff (Eds.), *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz al-Quran & al-Qiraat* (pp. 47-52).
- Muhammad Zaid, S. K., Mohd Isa, H., & Mohamad Redha, M. (2020). Perkembangan Dan Cabaran Institusi Pendidikan Tahfiz Di Malaysia : Satu Pemerhatian. In A. S. A. Nzly, M. I. M. Nawawi, S. N. S. Aziz, & N. H. M. Yusoff (Eds.), *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz al-Quran & al-Qiraat* (pp. 36 - 41).
- Muslim, a.-H. a.-N. (1431H). *Al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar bi Naql al-'Adl ila Rasulillah SAW*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.



- Najahudin, L. (2018). Pelaksanaan Program Plus Tahfiz di Universiti Teknologi MARA (UiTM). Retrieved from <http://najahudin.net/index.php/journal-articles?id=11>
- Nik Md Saiful, N. A., & Rabi'atul Athirah, M. I. (2020). Sejarah dan Kaedah Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur. *Jurnal Darul Quran*, 24.
- Nordin, A. (2015). *Memperkasa Darul Quran Ke Arah Memartabat Pendidikan Tahfiz Di Malaysia*. Paper presented at the Simposium Pendidikan Tahfiz Nusantara Dan Multaqa Huffaz Kali Ke IV, Bandar Baru Bangi.
- Nordin, A. (2018). *Pengiktirafan Huffaz Di Malaysia: Satu Cadangan*. Paper presented at the Konvensyen Pendidikan Tahfiz Kebangsaan 2018, Kuala Lumpur.
- PINTA, G. P. I. T. a.-Q. K. (2017). *Pelan Strategik PINTA 2017-2021*. Kuala Lumpur: PINTA Kebangsaan.
- Schlegel, M. (1995). *A Handbook of Instructional and Training Program Design*. (ED383281). Retrieved from <http://www.eric.ed.gov/PDFS/ED383281.pdf>
- Siti Salma, M. S., Syafawati, S., & Muhammad Hafizan, A. H. (2020). Inovasi Digital Dalam Pengajaran & Pembelajaran Program Tahfiz Di Universiti Tenaga Nasional Melalui Metode Blended Learning. In A. S. A. Nzly, M. I. M. Naw, S. N. S. Aziz, & N. H. M. Yusoff (Eds.), *Isu-Isu Kontemporari Dalam Pengajian Tahfiz al-Quran & al-Qiraat* (pp. 53-63).
- Solahuddin, I. (2016). *Institusi Tahfiz di Malaysia: Prospek dan Cabaran*. Paper presented at the Simposium Tahfiz al-Quran Peringkat Antarabangsa, Bangi.
- Solahuddin, I. (2018). *Sejarah Perkembangan Dan Status Terkini Pengajian Tahfiz Di Malaysia: Manhaj Dan Model*. Paper presented at the Muzakarah Institusi Tahfiz Negara, Sungai Petani.
- Strickland, A. W. (2006). ADDIE. Retrieved from <http://web.archive.org/web/20060709154016/http://ed.isu.edu/addie/index.html>
- UiTM, U. T. M. (2017a). *Cadangan Pelaksanaan Program Plus Tahfiz*. Universiti Teknologi MARA.
- UiTM, U. T. M. (2017b). *Cadangan Penawaran Kemasukan Ke Program Pengajian Universiti Teknologi Mara Kepada Pelajar Lulusan Sekolah Tahfiz Dan Maktab Rendah Sains Mara Ulul Albab*. Universiti Teknologi MARA.
- UiTM, U. T. M. (2018a). *Cadangan Penubuhan Pusat Plus Tahfiz di Universiti Teknologi MARA*. Universiti Teknologi MARA.
- UiTM, U. T. M. (2018b). UiTM Sedia Laluan Kemasukan untuk Pelajar Lulusan Sekolah Tahfiz.
- Arahan Amanah Akaun Amanah Zakat UiTM, (2019a).
- Arahan Amanah Tabung Tahfiz UiTM, (2019b).
- Uniten, U. T. N. (2021). JAKIM-UNITEN Tahfiz Al-Quran Certification (Engineering). Retrieved from <https://www.uniten.edu.my/programmes/huffaz-professional/jakim-uniten-tahfiz-al-quran-certification-engineering>
- Wan Muhammad Hafizuddin, W. A. H., Sedek, A., & Mohd Yakob @Zulkifli, M. Y. (2020). Metodologi Pusat Pengajian at-Toyyibah dalam Hafalan al-Quran. *Jurnal Darul Quran*, 24.
- Zainora, D., Hayati, H., Khairul Anuar, M., & Mohd Shamsul Hakim, A. S. (2018). Pengajian Qiraat Di Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Usim: Analisis Terhadap Tahap Kefahaman Qiraat. *Journal of fatwa Management and Research, Special Edition*.